

16 SEP 2003

KASTAM-KLASIFIKASI/I

KOD KLASIFIKASI KOMODITI BERSAMA UNTUK ASEAN BERMULA 1 JAN, 2004

Oleh: Arul Rajoo

IPOH, 16 Sept (Bernama) -- Jabatan Kastam Diraja Malaysia akan mula menggunakan kod klasifikasi bersama lapan digit sebaik sahaja "Asean Harmonised Tariff Nomenclature" (AHTN) berkuatkuasa pada 1 Jan, tahun depan.

Timbalan Ketua Pengarah, Datuk Zaleha Hamzah berkata Malaysia pada masa ini menggunakan sembilan digit tetapi perubahan itu amat perlu bagi menyelaraskannya dengan keperluan AHTN yang akan menyaksikan perdagangan yang lebih mudah di rantau ini.

"Pada masa ini, kod antarabangsa ialah enam digit sahaja tetapi banyak negara mempunyai tiga digit tambahan untuk produk klasifikasi mereka sendiri. Tetapi dengan AHTN, semua negara Asean akan melaksanakan sistem lapan digit," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Komuniti Jabatan Kastam Perak di sini hari ini.

Zaleha berkata klasifikasi bersama adalah sebahagian daripada langkah Asean untuk mengwujudkan pasaran bersepadu di mana terdapatnya aliran bebas barangan dalam lingkungan rantau ini.

Beliau berkata para peniaga di setiap negara anggota mengeksport produk dan perkhidmatan mereka mampu menikmati tarif sama rata di bawah Perjanjian Tarif Keutamaan Sama Rata (CEPT) yang ditandatangani oleh Ketua-ketua Kerajaan Asean pada Sidang Kemuncak Asean Keempat di Singapura pada tahun 1992.

Beliau berkata ia adalah untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) yang memerlukan kadar tarif dilevikan ke atas rangkaian meluas produk yang diniagakan dalam ruang lingkup rantau ini dikurangkan kepada 0-5 peratus. Had kuantitatif dan lain-lain halangan bukan tarif akan dihapuskan.

Zaleha berkata jabatan itu juga dalam proses menerbitkan katalog mengenai produk dan kod bersama mereka.

"Kami juga akan menjelaskan kepada orang ramai, terutamanya para pengeksport mengenai sistem klasifikasi tarif baru ini. Sekretariat Asean juga sedang mengumpulkan senarai produk dan kodnya sekali," tambah beliau.

Menurut Sekretariat Asean, setakat 5 Sept, 2000, jumlah talian tarif dalam Senarai Pemasukan CEPT ialah 53,725 tarif, yang mewakili kira-kira 83.8 peratus daripada semua talian tarif di dalam 10 negara Asean. Kadar purata tarif CEPT telah susut kepada 4.43 peratus daripada 12.76 peratus apabila ia mula dilaksanakan dalam tahun 1993, untuk enam negara anggota asal ASEAN.

Beliau berkata selain daripada AHTN, langkah-langkah untuk memudahkan perdagangan termasuklah penghapusan langkah-langkah teknikal yang tidak perlu kepada perdagangan, simplikasi dan mengharmonikan prosedur kastam bagi memastikan aliran kemasukan produk yang lebih mudah dan kerjasama untuk mengekang penyeludupan.

Menyentuh mengenai kemungkinan berlakunya penyeludupan produk tembakau dan minuman keras ekoran meningkatnya duti ke atas kedua-dua produk itu, Zaleha berkata jabatan itu akan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menangani masalah ini.

"Biasalah, bila duti dinaikkan, penyeludupan produk seumpama itu akan meningkat. Kita akan memperkuatkan lagi pemeriksaan kami dan membuat serbuan ke atas premis-premis dan tempat pendaratan di samping bekerjasama dengan negara-negara jiran," tambah beliau.

Zaleha berkata jabatan itu berharap masalah itu dapat dikurangkan

dengan pelaksanaan "Banderol System" (Sistem Label Cukai Dakwat Keselamatan) yang akan membenarkan pihak berkuasa memeriksa status produk-produk sedemikian sama ada ia asli atau dutinya telahpun dibayar.

Pada pembentangan Bajet 2004 pada hari Jumaat, Perdana Menteri yang juga merupakan Menteri Kewangan, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan yang duti ke atas produk rokok dan tembakau akan dinaikkan sebanyak 20 peratus sementara minuman keras naik 10 peratus. -- BERNAMA

AR KTC AA